



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KEPIMPINAN
TUN RAZAK KE-29**

6 MEI 2024 (ISNIN)

11.00 PAGI

HOTEL IDEALS, KUALA LUMPUR

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

[SALUTASI AKAN DISEDIAKAN BERASINGAN]

PENDAHULUAN

1. Bersyukur, kita semua dapat berhimpun di sini bagi meraikan **Program Kepimpinan Tun Razak Edisi ke-29**. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Tun Razak.
2. Saya difahamkan program ini dilaksanakan dengan mengambil inspirasi daripada keprihatinan Allahyarham Tun Razak terhadap perkembangan golongan muda sebagai pelapis kepimpinan. **Sepanjang pentadbirannya, Tun Razak banyak mencungkil dan memberi kepercayaan kepada bakat-bakat muda.** Tun Dr. Mahathir, Tun Abdullah Badawi, Tun Musa Hitam, Tengku Razaleigh, Tun Hanif Omar, Tan Sri Thong Yaw Hong adalah beberapa contoh bagaimana kebijaksanaan dan ketepatan Tun Razak dalam memilih bakat muda.

3. Dalam memperakui peranan Tun Razak dalam melahirkan pemimpin muda, izinkan saya **memetik ucapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah semasa merasmikan Dewan Syarahan Tun Abdul Razak** di University of Oxford pada 22 November 2019 :-

“History has given us many examples of people in authority who do not allow young talent to emerge, for fear of being overshadowed or having their power bases eroded. But not Tun Razak. Having been thrust into such critical nation-building roles very early in his career, he understood the vital importance of nurturing new talent and investing in the young.

During the 1960s and 70s, many young men and women were drafted into the higher echelons of the political and administrative establishments who went on to play crucial roles in the development of the country.”

4. Yayasan berharap generasi muda yang lahir selepas era Tun Razak dapat menghargai sumbangan Tun kepada negara dan menjadikan Tun sebagai idola kepimpinan unggul. **Daripada hasil usaha gigih Tun bersama pemimpin lain, maka terbinalah institusi sosial dan**

ekonomi seperti FELDA, Petronas, MARA, Tabung Haji, MIDA, MIDF, MISC, FAMA, PERNAS, FIMA, UDA, LPN, LPP, FELCRA, RISDA, Bank Bumiputera, Bank Pertanian, UKM, UiTM, Perbadanan Kemajuan Negeri-Negeri dan lain-lain.

- 5. Belia merupakan golongan yang paling aktif dalam masyarakat dan bilangan mereka adalah hampir separuh daripada jumlah penduduk negara kita.** Sejak kemerdekaan, belia negara kita telah turut sama berperanan dan menyumbang kepada proses pembinaan dan pembangunan negara. Sumbangan ini meliputi segala aspek baik dari segi politik, ekonomi, sosial, budaya atau pendidikan.
- 6. Belia merupakan asas sebenar atau tulang belakang kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa dan negara.** Oleh itu usaha-usaha hendaklah terus ditumpukan kepada peningkatan keupayaan dan kecekapan mereka. Ini amat perlu memandangkan cabaran masa hadapan yang akan ditempuh oleh para belia adalah lebih hebat dan canggih yang memerlukan satu persiapan atau persediaan diri yang hebat.

Hadirin sekalian,

RUKUN NEGARA SEBAGAI IDEALOGI NEGARA BANGSA

7. Mari kita melihat kembali ketekunan, kesungguhan dan kewibawaan Allahyarham Tun Abdul Razak untuk membawa agenda pembangunan negara di samping mengukuhkan kerjasama dalam kalangan rakyat bagi mewujudkan perpaduan nasional.
8. Pada 12 Julai 1971 ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kedua (RMK2) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Tun Abdul Razak telah mengungkapkan, '**menyeru seluruh rakyat menumpukan khidmat bakti mereka dalam semangat Rukun Negara untuk membangunkan masyarakat yang adil saksama dan bangsa Malaysia yang maju, moden dan bersatu-padu.**
9. Rukun Negara digubal setelah berlakunya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Peristiwa hitam tersebut telah mendorong pemimpin negara dari pelbagai kaum memikirkan satu formula bagi memulihkan perpaduan kaum yang lebih utuh dan kental. Tun Abdul Razak Hussein yang mengetuai Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ketika itu telah

menubuhkan tiga badan iaitu Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara (MPN). Hasil daripada perbincangan-perbincangan yang diadakan oleh MPN maka lahirlah Rukun Negara.

10. Rukun Negara telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970 dan menjadi pegangan, panduan serta amalan oleh seluruh rakyat Malaysia ke arah pemupukan dan pengukuhan semangat perpaduan, ketaatan dan kecintaan kepada bangsa dan negara.
11. Selain itu, Rukun Negara diwujudkan untuk menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat seperti nilai keagamaan, kesetiaan kepada Raja dan Negara, kepatuhan kepada Perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta membentuk masyarakat yang mengamalkan kesopanan dan kesusilaan.
12. Bagi tujuan menerapkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, Kementerian telah menghasilkan **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** merupakan dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Konsep **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** digunakan untuk

melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Dasar ini menetapkan hala tuju perpaduan negara dan bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan makmur. DPN merupakan dasar pertama negara yang khusus kepada pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional.

13. Tunjang kepada teras dan strategi DPN ialah **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**. Sejarah dan semangat di sebalik Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara perlu dihayati dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat dan menjadi asas kepada semua dasar Kerajaan. DPN juga dibangunkan selaras dengan matlamat yang digariskan di bawah Malaysia MADANI 2030 bagi mewujudkan sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah.
14. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memberikan penekanan kepada meningkatkan penghayatan nilai-nilai atau falsafah Rukun Negara kepada generasi muda. Pada tahun lepas, Kementerian telah melancarkan **Explorasi Rukun Negara** sebagai pendekatkan awal untuk

mendekatkan rakyat Malaysia dengan nilai-nilai murni Rukun Negara.

15. Susulan daripada itu, tahun ini Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) akan mengerakkan beberapa program atau inisiatif utama bagi meningkatkan penghayatan terhadap Rukun Negara. Antaranya:

- **Jelajah Belia Rukun Negara dengan tema “Menjiwai Rukun Negara”**
- **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara**
- **Pemberian Geran Aktiviti RM 3,000 kepada Sekretariat Rukun Negara**
- **Kem Anak Malaysia’**
- **Simposium Pendidikan Rukun Negara peringkat prasekolah**

16. Baru- baru ini, saya juga telah mengumumkan bahawa Kementerian akan meneliti Cadangan untuk mewujudkan satu **Pelan Tindakan Penghayatan dan Pendidikan Rukun Negara** dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Komunikasi.

17. Saya menyeru agar semua pelajar yang terpilih dalam program kepimpinan ini terus berada dalam ekosistem perpaduan yang disediakan oleh Kementerian menerusi agensi dibawahnya supaya terus menjadi ejen perpaduan dalam menyebarkan nilai kebersamaan kepada seluruh rakyat Malaysia. Antara platform yang disediakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan agensi adalah:

- **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat universiti dalam melaksanakan program-program penghayatan Rukun Negara. Kini terdapat sebanyak 188 Sekretariat Rukun Negara di seluruh negara.
- **Program Closing The Gap dan Future Ready** di bawah Yayasan Tunku Abdul Rahman yang memberikan penekanan kepada peningkatan Kemahiran dan kebolehpasaran belia.
- **Sukarelawan Siswa** di bawah Yayasan Sukarelawan Siswa yang berpeluang terlibat dalam misi sukarelawan dan khidmat bakti di kawasan pedalaman.

- **Jiran Muda** iaitu salah satu kelompok dalam ekosistem Kawasan Rukun Tetangga di bawah tanggungjawab JPNIN. Melalui Jiran Muda, anda semua dapat menyumbang bakti terus kepada pembangunan komuniti setempat sekaligus menjadi ejen perpaduan di peringkat akar umbi.

PENUTUP

Hadirin saya muliakan,

18. Kesepaduan sosial, integrasi nasional dan perpaduan antara kaum adalah kunci utama menyumbang kestabilan, keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat serta negara. Ia juga menjadi pemangkin kepada kekuatan bagi menghadapi apa jua cabaran mendatang. Jatuh bangun rakyat dan negara ini ditentukan sepenuhnya oleh keampuhan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang agama dan kaum.
19. Perpaduan dalam kalangan rakyat juga bakal menjadi aset dan tonggak utama menjayakan pembentukan masyarakat dan negara Madani yang sedang diusahakan Kerajaan. Memandangkan perpaduan adalah aset dan kunci utama

kejayaan dan kehidupan rakyat, maka perlu ada usaha berterusan dari semua pihak baik kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) maupun anggota masyarakat itu sendiri. Masing-masing perlu sedar peranan dan tanggungjawab untuk menyumbang kepada usaha memperkasa nilai dan tahap perpaduan masyarakat.

20. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya dan semoga beroleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia yang akan diumumkan beberapa minggu lagi. **Dengan ini, saya sukacitanya merasmikan Program Kepimpinan Tun Razak kali ke 29.**

Sekian, terima kasih.